

16 JAN 1998

EKONOMI SERANTAU AKAN PULIH DALAM TEMPOH DUA HINGGA 2 1/2 TAHUN

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Ekonomi-ekonomi serantau yang telah mengambil langkah-langkah pembaharuan yang tegas untuk menangani krisis yang berpunca daripada serangan matawang Julai tahun lalu, dijangka pulih dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun.

Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus berkata beliau begitu pasti bahawa negara-negara di rantau ini akan mengambil masa kira-kira dua setengah tahun untuk pulih kepada pertumbuhan tinggi dengan cara yang lebih berkekalan dan kesudahannya meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik.

Bercakap pada satu persidangan berita selepas perundingan dengan pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Bank Negara di sini hari ini, beliau berkata tempoh pengubahsuaian sekarang, meskipun menyakitkan, pada jangka panjangnya, akan memastikan ekonomi-ekonomi yang mencatat kadar pertumbuhan pesat dalam dekad yang lalu ini pulih dengan sihat.

Beliau memuji Presiden Suharto kerana telah melaksanakan pembaharuan tegas termasuk menghapuskan monopoli dalam bidang-bidang seperti industri membuat kereta dan papan lapis serta menghapuskan keistimewaan kredit, yang akan meningkatkan kecekapan dan dalam proses itu memastikan harga yang lebih berdaya saing.

Indonesia, beserta Korea Selatan, telah menerima bantuan daripada IMF manakala Malaysia, kata Camdessus tidak memerlukan bantuan kewangan begini kerana ia sedang melaksanakan langkah-langkah wajar untuk menangani krisis ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga telah berbincang dengan Camdessus awal hari ini, berkata minggu lalu bahawa ekonomi Malaysia mungkin pulih secara sederhana dalam tempoh enam hingga 12 bulan jika rakyat bekerjasama dengan kerajaan untuk menyokong langkah-langkah berjimat cermat.

Mengenai Malaysia, Camdessus berkata ia cukup kukuh untuk menghadapi kemelut sekarang memandangkan langkah-langkah pembaharuan yang diumumkan Disember lalu. Beliau menambah kata bahawa negara ini lebih merupakan mangsa kesan jangkitan daripada sebarang kelemahan struktur utama.

Bercakap tentang Korea Selatan, beliau berkata kerajaannya lembap dalam mengatasi masalah ini dan mereka mengambil masa yang agak lama untuk menyedari tentang betapa teruknya kejatuhan ekonomi ini sebelum meminta bantuan daripada IMF.

Tentang Thailand pula, beliau berkata terdapat sedikit tanda-tanda bahawa kemajuan telah dicapai melalui pembaharuan kewangan mereka, tetapi menambah kata bahawa Bangkok tidak meminta bantuan selanjutnya.

Bagaimanapun, katanya satu kajian lanjut akan dibuat terhadap pembaharuan-pembaharuan yang dilaksanakan oleh IMF pada bulan Februari di mana satu pasukan dari IMF akan menganalisis kedudukan fiskal negara itu dan memastikan sama ada lebih banyak pembaharuan diperlukan.

Menyentuh tentang Filipina, katanya negara itu setakat ini telah dapat bertahan daripada krisis itu, tetapi menambah bahawa negara itu juga perlu melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat.

Singapura, katanya tidak memerlukan bantuan IMF, manakala China menghadapi kelembapan ekonomi sederhana dan kerajaannya boleh menanganinya jika ia mengambil langkah-langkah persediaan seperti negara-negara lain. --

BERNAMA

MR KY OS